



Penggandaan

Buku teks, hlm. 30, 83, 143, 191



Nota SMART

- Kata ganda terbentuk hasil daripada perkataan yang digandakan atau diulang sama ada sebahagian atau keseluruhannya.
- Kata ganda terbahagi kepada empat bentuk, iaitu:
 - Kata ganda penuh** – Penggandaan seluruh perkataan dasar. Contohnya: *biri-biri, api-api, mata-mata, murid-murid*
 - Kata ganda separa** – Penggandaan sebahagian perkataan dasar, sama ada di hadapan atau di belakang. Contohnya: *tetamu, sesungut, pepijat, pepejal, jejantik, cecair, kekisi, kekabu, bebola*
 - Kata ganda berentak** – Penggandaan perkataan dasar mengikut rentak tertentu. Contohnya: *anak-pinak, cirit-birit, muda-mudi, keluh-kesah, pontang-panting, huyung-hayang, celorong-celoreng, deram-derum, piat-piut*
 - Kata ganda berimbuhan** – Penggandaan perkataan dasar yang diberikan imbuhan awalan, akhiran, apitan, dan sisipan. Contohnya: *tilik-menilik, pinang-meminang, utus-mengutus, kira-mengira, tegah-menegah, puji-memuji*
- Kata bilangan tidak perlu disertakan jika sesuatu perkataan telah bermakna jamak oleh sebab penggandaan. Contohnya:
 - Empat buah almari-almari itu sudah penuh dengan buku. (×)
 - Almari-almari itu sudah penuh dengan buku. (✓)
- Sekiranya kata adjektif telah digandakan, kata nama yang diterangkan oleh kata adjektif itu tidak perlu digandakan. Contohnya:
 - Cermin-cermin mata itu mahal-mahal belaka. (×)
 - Cermin mata itu mahal-mahal belaka. (✓)
- Kata ganda separa yang bermakna jamak tidak boleh disertai kata bilangan untuk menyatakan bilangan banyak/jamak. Contohnya:
 - Banyak dedaun pokok itu berguguran di halaman rumahnya. (×)
 - Dedaun pokok itu berguguran di halaman rumahnya. (✓)
- Kata penguat tidak perlu digunakan pada kata ganda berentak yang bermakna sangat atau paling. Contohnya:
 - Ayah sangat keluh-kesah selepas mendengar berita itu. (×)
 - Ayah keluh-kesah selepas mendengar berita itu. (✓)
- Apabila kata ganda berimbuhan yang digunakan dalam ayat telah sedia menyatakan makna berulang, kata berkali-kali atau berulang-ulang tidak boleh digunakan selepas kata ganda berimbuhan itu. Contohnya:
 - Fatimah memanggil-manggil adiknya berkali-kali. (×)
 - Fatimah memanggil-manggil adiknya. (✓)
- Sekiranya kata ganda berimbuhan yang digunakan dalam ayat sudah menyatakan maksud menyaling, kata saling tidak diperlukan lagi. Contohnya:
 - Mereka saling pandang-memandang apabila Azizah menyapa mereka. (×)
 - Mereka pandang-memandang apabila Azizah menyapa mereka. (✓)

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Pokok kelapa di kebun Pak Mail _____ belaka.

A lebar-lebar	C tinggi-tinggi
B besar-besar	D gemuk-gemuk
- Setiap hari, ayah _____ dari Putrajaya ke Kuala Lumpur.

A berulang-alik	C berpindah-randah
B berbolak-balik	D mundar-mandir
- Keadaan jalan raya yang _____ itu meningkatkan risiko kemalangan jalan raya.

A lintang-pukang
B umbang-ambing
C bengkok-bengkok
D tunggang-langgang
- Perasaan Encik Lim _____ apabila melihat rumahnya terbakar.

A gundah-gulana
B remuk-redam
C hancur-lebur
D punah-ranah

Soalan 5 – 8

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Pelbagai kuih-muih dihidangkan oleh ibu sewaktu majlis kesyukuran di rumah kami.
A Pelbagai kuih ibu hidangkan
B Pelbagai kuih dihidangkan oleh ibu
C Banyak kuih-muih dihidangkan oleh ibu
D Pelbagai kuih-muih dihidangkan oleh ibu
6. Penduduk kampung saling bantu-membantu demi untuk kesejahteraan bersama.
A saling bantu-membantu demi
B saling membantu demi untuk

- C bantu-membantu demi
D saling bantu-membantu demi untuk

7. Semua murid-murid digalakkan supaya menyertai aktiviti penanaman pokok bersempena dengan Kempen Bumi Hijau.
A Semua murid digalakkan supaya
B Semua murid digalakkan semoga
C Semua murid-murid digalakkan semoga
D Semua murid-murid digalakkan supaya
8. Aiman meletakkan kura-kura yang menjumpainya di atas jalan raya di tepi tasik.
A kekura yang dijumpainya
B kekura yang terjumpainya
C kura-kura yang berjumpainya
D kura-kura yang menjumpainya

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Suasana di pasar malam itu huru-hara dengan suara peniaga memanggil pembeli ke gerai mereka.

2. Pencuri itu berlari terhuyung-hayang apabila dikejar oleh orang ramai.

3. Abang Haikal lalu-lalang dari rumah ke universiti sejauh sembilan kilometer dengan menunggang motosikal.

4. Mardiana tersipu-sipu apabila disapa oleh orang yang tidak dikenalnya ketika berada di perhentian bas.

5. Beberapa ekor ayam sedang mengorek-ngorek tanah untuk mencari makanan.
